




LEADING THE WAY
LEADING THE WORLD
 INTERNATIONAL MULTI-AWARD WINNING INSTITUTION FOR SUSTAINABILITY

ISTAC-IIUM
Conference & Declaration on
THE SANCTITY AND VALUE OF HUMAN LIFE
 24th July 2024 | 8:30 am - 5:30 pm
 Main Hall, IIUM Cultural Centre
 INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM), GOMBAK, SELANGOR

CO-CHAIRES
 Prof. Lawrence Tan Sri Dato' Mustafa Anwar Fikri
 Prof. Ghoshal Anshu Bhatnagar
 Prof. Iqbal Ali Ahmad Marican
 Mr. Brent Stansfield

REGISTER HERE


SESSION 1: RELIGIOUS PERSPECTIVES ON THE VALUE OF HUMAN LIFE
 Prof. Jeffrey Sacks
 Mervad Corrigan
 Maqsood
 Msung Zaid

SESSION 2: SOCIO-POLITICAL AND HUMAN JUSTICE DIMENSIONS
 Raddi Yarwoi David
 Mr. April Mohd Anas
 Waleed
 CENTRIRA

SESSION 3: GLOBAL PERSPECTIVES, POLICY IMPLICATIONS
 Dr. Dr. Ahmad Faizal
 Spqibhah Fatma Alghassab
 MERIC MALAYSIA
 AMNA CARE FUND

FORUM: HUMAN LIFE FROM THE PERSPECTIVES OF HINDUISM & BUDDHISM
 Prof. Dr. Mohd. Mizan
 NATIONAL DEFENCE
 UNIVERSITY MALAYSIA
 Rev. Dr. Chong Siew Fung
 PRINCIPAL OF SEMINAR
 THEOLOGICAL MALAYSIA

DECLARATION ON THE SANCTITY AND VALUE OF HUMAN LIFE
 Ms. Rula Shaheed
 THE PUBLIC DIPLOMACY
 INSTITUTE FOR PUBLIC DIPLOMACY
 A.K. Nelson Sumnie
 THE JAWARA ASSOCIATION
 305 LANKA BUDDHIST TEMPLE
 Prof. Dr. Suresh Kumar
 GOVIND
 UNIVERSITY OF MALAYSIA
 Prof. Dr. Mukhammad Nuzli
 Eshwan Jari
 JERAMDIPLOMAS ESHWAN
 OF LAWS, IUM

FOR INQUIRIES, PLEASE CONTACT:
 istac@iium.edu.my
 phone: +603-8933 1000
 89-8933 1000 - ISTAC Office
 89-8933 1000 - Ahmad Murad Marican


ISTAC-IIUM
 International Islamic University Malaysia
 Gombak, Selangor, Malaysia


CENTRIRA
 Center for Strategic Studies
 International Islamic University Malaysia

Genocide in Gaza, Human Interest, Law, World

Surat terbuka: Deklarasi Gombak Berkaitan Genosid

Walaupun genosid bukan perkara baharu dalam masyarakat dan sejarah manusia, ia menuntut dialog, anjakan kesedaran, dan tindakan yang baharu. Ini adalah kerana apa yang telah dan akan berlaku bertolak dari perbuatan menyahmanusia dari status dan kewujudan kemanusiaan itu. Apabila seorang atau sekelompok manusia dinyahmanusiakan, maka pembunuhan itu berlaku dengan lebih mudah.

apakhabartv

July 30, 2024 7 minutes

DEKLARASI GOMBAK USAHA MENYEKAT TINDAKAN DAN MENGGARISKAN PAMPASAN KE ATAS MANGSA GENOSID

Baru-baru ini, 24 Julai lalu, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak telah mengisytiharkan Deklarasi Gombak mengenai Kesucian dan Nilai Hidup Manusia dalam Konteks Genosid. Pengisytiharan itu adalah sempena Persidangan ISTAC-IIUM bersama CENHRA mengenai Kesucian dan Nilai Hidup Manusia yang bertempat di kampus IIUM di Gombak.

Persidangan yang menghasilkan Deklarasi Gombak tersebut wajar diperhatikan dari sudut usaha Malaysia dalam menyatukan komuniti global, masyarakat dan organisasi dalam pendirian kolektif menentang pembunuhan berama-ramai sambil menekankan kepentingan hidup manusia.

Hari bersejarah itu telah mengumpul kira-kira 300 orang peserta dari kedutaan-kedutaan asing (duta dan wakil-duta) badan bukan kerajaan, agensi dan jabatan kerajaan, ahli akademik dari dalam dan luar negara, ahli-ahli parlimen serta pelajar-pelajar universiti.


AUTHOR



Written by
apakhabartv

Apakhabartv is Malaysia's first online magazine with wide-ranging, mostly timeless articles by a mix of seasoned journalists, renowned academicians, experts in various fields, and lay people who have a story to tell. Whatever your preference, just browse through and enjoy the variety of stories on apakhabartv.

RECENT POSTS



entertainment, Human Interest, news, Selatan Thailand

Lepas atau tidak? Penyanyi Bae Soba Bae solat hajat mohon bebas daripada tuduhan miliki dadah

Ia menandakan kesatuan masyarakat dan organisasi yang dipimpin oleh ISTAC-IIUM ke arah menghapuskan genosid. Ini adalah satu-satunya persidangan yang diusahakan di Malaysia, anjuran sebuah universiti, dengan kerjasama dan sokongan badan bukan kerajaan.

ISTAC-IIUM dan CENHRA menegaskan sudah tiba masanya masyarakat sivil dan universiti di Malaysia secara kolektif mengambil langkah mengambil tindakan menyedarkan masyarakat dunia dan seterusnya memberhentikan tindakan kemanusiaan membunuh manusia dalam konteks genosid.

Langkah ISTAC-IIUM CENHRA bertujuan memulakan proses pelbagai saluran untuk menjadikan genosid sebagai jenayah di mana penjenayah/pelaku genosid mesti membayar ganti rugi bagi setiap manusia yang dibunuh.

Rasional disebalik persidangan melalui Deklarasi Gombak ialah mendalami asas falsafah, agama dan etika yang menyokong kesucian dan nilai hidup manusia.

Ahli panel yang terdiri dari 16 aktivis dan sarjana bidang kemanusiaan, pakar peperangan, undang-undang dan media memberi pandangan dan rancangan apa yang perlu/mesti/wajar dilakukan untuk menetapkan bahawa genosid adalah satu jenayah yang tidak dapat diterima akal, dan mesti diberhentikan segera.

Mereka bersepakat mengenai pendirian tradisi dan agama masing-masing, persepsi kehidupan manusia dalam masa perang, dan konflik bersenjata lalu merangka peraturan undang-undang dalam melaksanakan pampasan kepada mangsa dan keluarga terbahit.

dadah
apakhabartv



Human Interest, Ramadan, Religion, Selatan Thailand

[Bahasa Melayu/ภาษาไทย]
Kami jaga hati banduan Penjara Pusat Narathiwat สภาพจิตใจและความรู้สึกของนักโทษทางเรือนจำจังหวัดนราธิวาสให้การดูแลอยู่เสมอ

apakhabartv



Education, Ramadan, Religion

Iman kita

apakhabartv

CATEGORIES

- BRICS
- Culture
- Economy
- Education
- entertainment
- environment
- Food
- Foreign
- Genocide in Gaza
- Health
- History
- Technology

Persidangan dan Deklarasi itu bertujuan mengingatkan pihak yang melakukan genosid bahawa mereka akan dikenakan membayar pampasan bagi setiap mangsa.

Persidangan dan Deklarasi Gombak itu, walaupun dicituskan oleh malapetaka yang berlaku di Gaza, juga merujuk kepada tindakan genosid di lain-lain tempat dan negara di dunia, seperti Myanmar, India, China, Rwanda dan Bosnia. Penyerlahan krisis kemanusiaan itu mendesak pihak penganjur melakarkan satu kerangka antarabangsa yang mengukuhkan kesucian dan nilai hidup manusia.

Walaupun genosid bukan perkara baharu dalam masyarakat dan sejarah manusia, ia menuntut dialog, anjakan kesedaran, dan tindakan yang baharu. Ini adalah kerana apa yang telah dan akan berlaku bertolak dari perbuatan menyahmanusia dari status dan kewujudan kemanusiaan itu.

Apabila seorang atau sekelompok manusia dinyahmanusiakan, maka pembunuhan itu berlaku dengan lebih mudah

Pembunuh, dalam hal ini, yang terdiri dari bala anggota tentera Israel, misalnya melihat orang Palestin sebagai 'bukan manusia', sebagai 'manusia binatang,' ini diperluaskan oleh media antarabangsa. Liputan media antarabangsa seperti CNN dan BBC melihat kematian orang Palestian sebagai tidak sama dengan kematian orang Israel, Eropah atau Amerika.

Media Barat menganggap orang Palestin sebagai Arab dan manusia yang tidak ada negara, sebagai pengeluaran media kewartawanan, mejurus kepada bahan media dan budaya popular.

- [Human Interest](#)
- [Journalism](#)
- [Law](#)
- [Letters to the editor](#)
- [LIMA 2025](#)
- [Look East Policy](#)
- [Malay](#)
- [Medical](#)
- [money](#)
- [news](#)
- [Poem](#)
- [Politics](#)
- [Ramadan](#)
- [Religion](#)
- [SAFETY](#)
- [Selatan Thailand](#)
- [Social responsibility](#)
- [southern thai](#)
- [Sport](#)
- [tanah air](#)
- [Technology](#)
- [Tourism](#)
- [uitm](#)
- [Uncategorized](#)
- [UPSI](#)
- [World](#)
- [Youth](#)

Romil Shamsudin, aktivis humanitarian dan pengarah advokasi CENHRA m mendesak bahawa nilai hidup manusia diberi keutamaan semua negara. Semua kerajaan mesti memberi nilai kepada semua warganegara mereka, tidak kira majoriti atau minoriti.

Perlakuan genosid oleh kerajaan-kerajaan pada abad ke 21 merupakan satu malapetaka yang besar kepada bangsa manusia. Jika kita megah dengan kemajuan diri kita dalam meneroka teknologi, ia jelas dilakukan tanpa nilai.

Dengan itu, Deklarasi Gombak yang diisytiharkan itu memuatkan sembilan deklarasasi seperti berikut:

Deklarasi 1

Nilai hidup manusia tidak boleh diukur dan instrinsik kepada setiap individu, tidak kira bangsa, etnik, agama, gender, atau ciri-ciri lain.

Deklarasi 2

Nilai hidup manusia tidak boleh dikira berdasarkan kepada pertimbangan ekonomi atau utilitarian tetapi dengan berdasarkan kepada harga yang ada pada setiap manusia – iaitu, tidak ternilai dan dan tidak boleh disangkal

Deklarasi 3

Semua negara dan pelaku-pelaku berkaitan mesti mengambil langkah yang patut untuk melindungi dan menegakkan hak untuk hidup kepada semua individu dalam bidangkuasa mereka, menentukan bahawa digniti setiap individual tidak boleh dikompromi.

Deklarasi 4

Mana-mana tindakan yang mengugut atau mencabuli hak untuk hidup melalui genosid dan lain-lain tindakan kekejaman yang serupa, mesti dikutuk sehabis-habisnya dan dihukum seluas-luasnya seperti yang dibenarkan dalam undang-undang antarabangsa

Deklarasi 5

Masyarakat antarabangsa must bersama berusaha untuk membentaras dan bertindak balas kepada keadaan di mana nilai hidup manusia tidak diendahkan atau dinyahnilaikan, menurut prinsip-prinsip hak asasi yang termaktub dan diperuntukan dalam undang-undang antarabangsa

Deklarasi 6

Impak genosid menjangkau kehilangan terdekat kehidupan kepada kehakisan sosio-ekonomi, kehilangan tempat tinggal dan trauma psikologi yang berpanjangan. Dengan itu kita menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mempertingkatkan dengan segera kerangka undang-undang antarabangsa mengenai genosid dengan menggunakan dan memasukkan bahagian 'Kos Genosid' sebagai yang termaktub dalam lampiran deklarasi ini yang akan berperanan sebagai pencegahan yang berkesan menentang perlakuan, penyokongan dan promosi genosid.

Deklarasi 7

Semua negara mesti melaksanakan inisiatif pendidikan dan peningkatan kesedaran yang berkesan kerana ia penting dalam memupuk satu budaya yang menghormati kehidupan manusia, mencegah perbuatan menyahmanusia terhadap individu, dan menggalakan keamanan mapan.

Deklarasi 8

Kita memperakui kepentingan tindakan kolektif dan solidariti di kalangan negara masyarakat sivil, dan pertubuhan antarabangsa untuk membentuk dunia di mana digniti manusia di tegakkan, dan kesucian kehidupan tidak dapat disangkal

Deklarasi 9

Kita menyeru semua negara mengesahkan iltizam mereka untuk menegakkan prinsip-prinsip yang disuarakan dalam Deklarasi ini dan mempertingkatkan kerjasama dalam usaha mencegah dan bertindak balas kepada tindakan kekejaman dan genosid.

Mereka yang berucap pada Persidangan itu ialah advokat Anti-Zionis Rabbi Yisroel Dovid Weiss dari pertubuhan Neturei Karta; Prof Datuk Abdelaziz Berghout, ISTAC-IIUM; Rev. Dr. Chong Siaw Fung, Seminari Theologi Malaysia; calon hadiah Nobel Keamanan dunia 2024, aktivisi dan sarjana Dr. Maung Zarni; Madam Mairead Mcquire, Pemenang Nobel Keamanan 1976; Prof Jeffrey Sach dari Columbia University, Dato' Dr. Ahmad Faizal Perdaus, Mercy Malaysia; Fatma Al Ghusain, AMNA Care Fund, Rula Shadid, Palestine Institute for Public Diplomacy; Prof Mohd Mizan Mohammad Aslam, Univeriti Pertahanan Kebangsaan Malaysia; Prof. Mohammad Naqib Eishan Jan, Universiti Islam Antarabbansa Malaysia, Dato' Badilsyah Abdul Ghani dan Encik Romil Shamsudin, CENTHRA dan Prof Dato' Ahmad Murad Merican, ISTAC-IIUM.

Dua panelist forum yang masing-masing memberi pandangan dari agama Hindu dan Buddha ialah Prof Suresh Govindhon, Universiti Malaya dan A.K. Nelson Sammie, Sri Lanka Buddhist Temple. Rektor IIUM Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dalam kata aluannya menyentuh mengenai pengeboman di Hiroshima yang membabitkan bapa beliau Abdul Razak Abdul Hamid, satu-satunya mangsa trajedi pengeboman itu yang terselamat pada tahun 1945. Ucaptama pada persidangan itu disampaikan oleh Ketua Perlembagaan IIUM, Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Iskandar.

Hasil persidangan tersebut yang merangkumi Deklarasi dan prosiding akan disebarluaskan dan dimurnikan, serta dibawa ke pelbagai peringkat antarabangsa melalui pelbagai saluran dan mekanisme yang ada.

Jika di bawa ke peringkat antarabangsa, Deklarasi Gombak mempunyai potensi mengajak dan merobah kesedaran dunia dalam membentaras genosid dengan mewujudkan peruntukan dan pelaksanaan pampasan oleh pihak pelaku. Kini tidak kira di mana genosid berlaku, mangsanya adalah jiran kita.

Teknologi internet telah membolehkan imej yang tidak terungkap itu mendekatkan kita terhadap kelakuan genosid. Kita menjadi saksi kepada angkara kemanusiaan. Kita tidak dapat elak dari menjadi saksi ke atas malapetaka yang menimpa jiran kita itu.

Dunia memerlukan satu piagam baharu mengenai kesucian dan nilai hidup manusia dalam konteks genosid. Pada dasawarsa mendatang, kita dapat ramalkan kelenturan doktrin 'hak asasi manusia' yang dipiagamkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1948 yang merupakan respons kepada malapetaka yang berlaku di Eropah seperti yang kita saksikan dari Perang Dunia pertama dan Perang Dunia Kedua; serta proses pembebasan politik (dekolonisasi) negara dan masyarakat yang terjajah.

Kini 76 tahun telah berlalu. Dunia memerlukan sebuah piagam baharu untuk menjamin kesucian dan nilai hidup manusia.

Penulis:

Ahmad Murad Merican

Profesor sejarah sosial dan intelektual

Institut Tamadun dan Pemikiran Islam Antarabangsa

Universiti Islam Antarabangsa (ISTAC-IIUM)

dan


Romil Shamsudin

Romil Shamsudin
Pengarah Advokasi
Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia
(CENTHRA)

Share this:



Like this:



3 responses to “Surat terbuka: Deklarasi Gombak Berkaitan Genosid”

Surat terbuka: Deklarasi Gombak Berkaitan Genosid – IIUM in the News
July 31, 2024 at 9:30 am

[...] Source:<https://apakahabartv.com/2024/07/30/surat-terbuka-deklarasi-gombak-berkaitan-genosid/> [...]

★ Like


Reply

Surat terbuka: Deklarasi Gombak Berkaitan Genosid – International Islamic University Malaysia
July 31, 2024 at 9:55 am

[...] Source:<https://apakahabartv.com/2024/07/30/surat-terbuka-deklarasi-gombak-berkaitan-genosid/> [...]

★ Like

Reply

 Reyad
July 31, 2024 at 9:30 pm

Tahniah kepada uia Dan istac

Reply



Reyad

July 31, 2024 at 9:30 pm

Tahniah kepada uia Dan istac

★ Like

Reply

Leave a Reply

Write a comment...

Comment

TRENDING



entertainment, Human Interest, news, Selatan Thailand

Lepas atau tidak? Penyanyi Bae Soba Bae solat hajat mohon bebas daripada tuduhan miliki dadah

apakhabartv



Human Interest, Ramadan, Religion, Selatan Thailand

[Bahasa Melayu/ภาษาไทย] Kami jaga hati banduan Penjara Pusat Narathiwat
สภาพจิตใจและความรู้สึกของนักโทษทางเรือนจำจังหวัดนราธิวาสให้การดูแลอยู่เสมอ

apakhabartv



Education, Ramadan, Religion

Iman kita

apakhabartv



Education, Youth

A journey

apakhabartv

Apakhabartv is Malaysia's first online magazine with wide-ranging, mostly timeless articles by a mix of seasoned journalists, renowned academicians, experts in various fields, and lay people who have a story to tell. What makes apakhabartv different is that not only do we call a spade a spade, we also present facts, reasons and arguments on the what, where, when, who, why and how a spade is a spade.

Alternatively, we also feature stories by those who prefer to call a spade a digging implement or otherwise. Get ready for a reading adventure like no other, for, apa-khabar-tv is poles apart from the mundane and repetitious narratives one is forced to read almost every other day on the numerous portals. Whatever your preference, just browse through and enjoy the variety of stories on apakhabartv.com.

Subscribe to our newsletters. We'll keep you in the loop.



[Home](#) [Contact](#)

Designed with WordPress